

RINGKASAN EKSEKUTIF

<u>KERTAS CADANGAN</u>	:	MEMOHON PERUNTUKAN UNTUK MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BERKALA DI PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK
<u>TARIKH</u>	:	SEGERA (TAHUN 2020)
<u>TEMPAT</u>	:	PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)
<u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u>	:	RM 17,850.00 (ANGGARAN KASAR) (DALAM PROSES MENDAPATKAN SEBUTHARGA DARIPADA PEMBEKAL)
<u>PEMBEKAL</u>	:	
<u>BAHAGIAN/WILAYAH / UNIT</u>	:	PEJABAT MPC SARAWAK (SKO)
<u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>	:	BAJET OPERASI
<u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>	:	 (WAN NORHANI WAN KHALID)
<u>KOMEN</u>	:	
<u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>	:	 (MAHADI HASBULLAH)
<u>IMPAK KEPADA RAKYAT</u>	:	1. MENCERMINKAN IMEJ MPC YANG SENTIASA MEMENTINGKAN KUALITI INFRASTRUKTUR DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN 2. MENJAMIN KESELAMATAN WARGA, DAN ASET PEJABAT

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BERKALA DI PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK

1.0. Tujuan

- 1.1. Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan peruntukan daripada Lembaga Pengurusan MPC untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi perkara tersebut di atas.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Bangunan MPC Wilayah Sarawak mula beroperasi di Demak Laut (bangunan sendiri) sejak tahun 1997 (selama 23 tahun). Oleh yang demikian, terdapat kerosakan telah berlaku di sesetengah kawasan bangunan.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, penyelenggaraan berkala adalah sangat penting bagi mengelak skala kerosakan menjadi lebih besar serta dapat mengawal kos penyelenggaraan yang terlalu besar sekiranya kerosakan menjadi lebih serius.
- 2.3 Kertas cadangan ini memohon kelulusan peruntukan bagi menyelenggara kerosakan yang terlibat seperti kerosakan pintu kalis api, siling *pinhole*, siling spandek dan *plastered column*.
- 2.4 Di samping itu, terdapat kebocoran kecil masih berlaku walaupun sebahagian bumbung telah diganti sebelum ini. Oleh itu, pemeriksaan struktur bumbung akan dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah ini.
- 2.5 Kerja-kerja penyelenggaraan akan melibatkan bangunan Blok Pentadbiran, Pejabat MPC Wilayah Sarawak.

- 2.6 Maklumat lanjut kerja-kerja penyelenggaraan di MPC Wilayah Sarawak adalah seperti di Jadual 1 (**Lampiran 1**)

3.0 Anggaran perbelanjaan

- 3.1 Anggaran kasar kos perbelanjaan adalah sebanyak **RM 17,850.00**. namun anggaran ini tertakluk kepada sebut harga sebenar yang akan dimaklumkan kemudian. Rujuk Jadual 1 untuk pecahan bajet.

4.0 Syor / Perakuan


- 4.1 Adalah disyorkan agar pihak Lembaga Pengurusan MPC dapat memberikan kelulusan peruntukan sebanyak **RM 17,850.00** untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Pejabat MPC Wilayah Sarawak.
- 4.2 Setelah mendapat kelulusan daripada pihak Lembaga Pengurusan MPC, proses perolehan terus (melalui pelaksanaan kajian pasaran) akan di lakukan mengikut prosedur yang sedia ada.

Disediakan oleh:




.....
Liyana Othman
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
12 Oktober 2020

Disemak oleh:



.....
Semawi Zakaria
Pengurus Kanan
MPC Wilayah Sarawak
12 Oktober 2020


Disahkan oleh:



.....
Sarimah Mismam
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak
12 Oktober 2020

Lampiran 1

Jadual 1: Maklumat lanjut kerja-kerja penyelenggaraan di MPC Wilayah Sarawak

Bil	Kerja-kerja penyelenggaraan	Justifikasi penyelenggaraan	Anggaran bajet secara lump sum (RM)	Gambar
1.	Menukar pintu kalis api di Bilik AHU & Bilik Stor Pentadbiran	- Meningkatkan elemen keselamatan di ruang yang terjejas dengan pintu dalam keadaan yang baik. - Pintu kalis api tidak pernah ditukar sejak 23 tahun yang lepas.	7,275.00	
2.	Menggantikan siling – siling pinhole dan plastered column yang rosak di Aras 2 Blok Pentadbiran	- Sebahagian siling ini masih belum ditukar pada kerja-kerja membaik pulih sebelum ini akibat kekangan bajet. - Siling yang rosak perlu ditukar bagi mengelak kerosakan yang lebih serius berlaku.	3,890.00	

Bil	Kerja-kerja penyelenggaraan	Justifikasi penyelenggaraan	Anggaran bajet secara lump sum (RM)	Gambar
3.	Menggantikan siling spandek yang rosak di bahagian hadapan Blok Pentadbiran	• Bagi mengelakkan siling tersebut jatuh akibat tiupan angin serta menjamin keselamatan warga dan aset pejabat • Mencerminkan imej yang baik kepada pejabat MPC Wilayah Sarawak	5,450.00	
4.	Pemeriksaan struktur bumbung yang menyebabkan kebocoran kecil di beberapa tempat di Blok Pentadbiran	• Pelaksanaan pemeriksaan berkala bagi mengelak kebocoran berlaku dengan lebih serius.	1,235.00	
Jumlah anggaran bajet (RM)			17,850.00	